

DRAF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

PENDIDIKAN SENI VISUAL TAHUN EMPAT

**DOKUMEN STANDARD KURIKULUM PENTAKSIRAN
(KSSR)**

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
TAHUN EMPAT**

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Rukun Negara	7
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	7
Pendahuluan	9
Matlamat	9
Objektif	10
Penilaian dalam Pendidikan Seni Visual	11
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	12
Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Empat	13
Organisasi Kandungan	14
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	15
Tafsiran Umum	16
Tafsiran Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	17



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita Untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden; MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

PENDAHULUAN

Dokumen Standard Pendidikan Seni Visual Tahap 2 adalah berpusatkan murid dan memberi peluang kepada mereka untuk mempertingkatkan daya imaginasi, kreativiti, dan bakat ke tahap optima dalam proses penghasilan karya.

Dokumen ini dapat memberi panduan dalam proses pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan pembelajaran kolaboratif, pemikiran aras tinggi, dan belajar untuk kehidupan secara praktikal. Ia membolehkan penzahiran idea secara kreatif dan inovatif dengan berbantuan teknologi bertepatan dengan tahap keupayaan murid.

Dokumen ini juga dapat membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik seni dan budaya serta menyediakan murid bagi menghadapi cabaran alaf baru selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

MATLAMAT

Dokumen Standard Pendidikan Seni Visual Tahap 2 bermatlamat untuk melahirkan insan yang harmonis, kritis, kreatif dan inovatif menerusi pemupukan bahasa seni visual. Aktiviti yang dirancang membolehkan murid menghasilkan karya dan berupaya membuat apresiasi seni visual. Isi kandungannya membantu perkembangan emosi murid, meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa, serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat, dan negara selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

OBJEKTIF

Setelah mengikuti Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Rendah murid dapat:

1. Menghargai keindahan alam ciptaan tuhan.
2. Mengetahui bahasa seni visual serta dapat mengaplikasi dalam penghasilan karya.
3. Meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti.
4. Menguasai kemahiran asas dalam bidang menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, serta mengenal kraf tradisional.
5. Menggunakan kemudahan teknologi dalam kegiatan penghasilan seni visual.
6. Melibatkan diri dalam kegiatan seni visual secara aktif, kritis, kreatif, inovatif dan menyeronokkan.
7. Memupuk keyakinan diri, nilai kerjasama, dan bertanggungjawab dalam aktiviti seni visual.
8. Mengenal dan menghargai tokoh seni dan budaya tanah air.
9. Menghargai dan membuat apresiasi tentang karya sendiri dan rakan.

PENILAIAN DALAM SENI VISUAL

Penilaian dalam Seni Visual bukan hanya melibatkan pengujian dan pengukuran tetapi penilaian secara keseluruhan. Penilaian secara keseluruhan membolehkan murid menggabungkan kefahaman mereka kepada aspek kognitif, psikomotor, dan afektif. Secara tidak langsung, penilaian menitikberatkan fokus pada perbuatan murid yang mencungkil kemahiran berfikir serta melahirkan murid yang mampu membuat keputusan. Keberkesanan program mata pelajaran ini dapat diukur melalui Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah yang dilaksanakan di peringkat sekolah.

Penilaian Seni Visual KSSR mempunyai empat unsur iaitu penilaian berasaskan sekolah, penilaian yang fleksibel, penilaian yang mempunyai akauntabiliti, dan penilaian yang adil.

Penilaian berasaskan sekolah perlu dirancang dan dikendalikan secara berterusan dari segi pembinaan alat penilaian dan pentadbirannya. Penilaian yang fleksibel menitikberatkan penilaian yang mengambil kira keperluan sekolah serta ciri murid itu sendiri dari segi gaya pembelajaran dan kecerdasan murid. Penilaian boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Guru bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan penilaian yang mempunyai akauntabiliti seperti perancangan, penentuan instrumen serta pelaksanaannya. Selain itu, guru juga harus merekod pencapaian murid, menganalisis markah tersebut serta membuat laporan untuk membuat tindakan susulan yang berkaitan. Penilaian dalam Seni Visual bersifat adil kerana cara, bentuk, dan kandungannya harus mengikut keadaan dan ciri murid. Murid dinilai dari segi pengetahuan mereka, cara mereka berfikir, dan kemampuan psikomotor mereka.

Terdapat tiga kaedah penilaian dalam Seni Visual secara khususnya, iaitu pemerhatian, lisan dan interaksi, dan penulisan. Kaedah pemerhatian melibatkan pemerhatian proses dan pemerhatian hasil kerja. Pemerhatian yang dilakukan oleh guru semasa murid membuat kerja dikenali sebagai pemerhatian proses berguna kerana guru dapat menilai penguasaan kemahiran amali dan perkembangan bakat murid. Selain itu, guru juga dapat menilai penguasaan kemahiran sosial, amalan murid serta memerhati pengaliran emosi dan perasaan. Tahap kreativiti murid juga dapat dikesan melalui pemerhatian. Pencapaian kebolehan dan kemahiran murid yang diperlihatkan pada hasil kerja dilakukan dengan melihat kriteria-kriteria tertentu pada hasil kerja bagi tujuan penilaian. Antara kriteria yang dipilih untuk penilaian ialah gubahan, interpretasi, kemahiran, fungsi, keaslian, kreativiti, dan kemas. Ini dikenali sebagai pemerhatian hasil kerja.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendidikan Seni Visual mengaplikasikan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran seperti Teori Kecerdasan Pelbagai, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Kontekstual, Konstruktivisme, Pembelajaran Akses Kendiri, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif, Belajar Cara Belajar, dan Pembelajaran Masteri yang selaras dengan visi dan misi pendidikan yang berhasrat untuk menyempurnakan Falsafah Pendidikan Negara. Penggunaan strategi-strategi ini bertujuan untuk memupuk minat dan kreativiti dalam kalangan murid.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat dan dapat mencetus idea seperti penerokaan amatlah digalakkan sama ada secara manual atau berbantuan teknologi. Kaedah pengajaran yang disarankan adalah seperti *Discipline Based Art Education* (DBAE), pembelajaran berorientasikan produk, berorientasikan studio, aktiviti berkumpulan, kolaborasi, koperatif, tunjuk cara, bicara seni, percambahan minda, soal jawab, penyelesaian masalah, kembara visual, imitasi, dan ekspresi diri. Pemilihan dan penentuan kaedah pengajaran yang pelbagai perlu selaras dengan kesediaan, kemampuan, kebolehan, penumpuan, pengalaman dan pemerhatian murid.

Proses penghasilan karya dan peningkatan pembelajaran yang berterusan perlu diberi penekanan dan penilaian. Hasil kerja murid hendaklah dipamerkan sebagai penghargaan. Murid digalakkan menyimpan rekod pengalaman pembelajaran (folio) dan hasil kerjanya sendiri. Amalan ini akan melatih murid membuat analisis, sintesis, dan refleksi terhadap pembelajarannya. Rekod ini juga membantu guru menilai perkembangan pembelajaran murid.

Aktiviti Pendidikan Seni Visual Tahun Empat

BIDANG KEGIATAN	AKTIVITI
MENGGAMBAR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lukisan 2. Catan 3. Gosokan 4. Capan 5. Mozek 6. Poster
MEMBUAT CORAK DAN REKAAN	<p>Terancang</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lukisan 2. Cetakan 3. Resis 4. Kaligrafi <p>Tidak Terancang</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pualaman 2. Ikatan dan Celupan
MEMBENTUK DAN MEMBUAT BINAAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Asemblaj 2. Diorama 3. Boneka
MENGENAL KRAF TRADISIONAL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Batik 2. Ukiran 3. Tembikar

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Pendidikan Seni Visual untuk Tahun Empat sekolah rendah mengandungi empat bidang iaitu menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan, serta mengenal kraf tradisional. Organisasi kandungan dalam empat bidang tersebut disusun berasaskan kepada empat standard kandungan iaitu persepsi estetik, aplikasi seni, ekspresi kreatif, dan apresiasi seni. Standard pembelajaran digubal dan diperincikan bagi tujuan pengajaran berasaskan standard kandungan.

STANDARD KANDUNGAN 1 : PERSEPSI ESTETIK

Standard kandungan ini membolehkan murid membuat persepsi dan memahami bahasa seni visual (unsur seni dan prinsip rekaan) yang terdapat pada alam ciptaan Tuhan, objek buatan manusia, dan karya seni.

STANDARD KANDUNGAN 2 : APLIKASI SENI

Standard kandungan ini membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan, pemahaman, dan bahasa seni visual menerusi penentuan media dan teknik dalam aktiviti seni.

STANDARD KANDUNGAN 3 : EKSPRESI KREATIF

Standard kandungan ini mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual menerusi penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian, dan teknologi dalam penghasilan karya seni.

STANDARD KANDUNGAN 4 : APRESIASI SENI

Standard kandungan ini membolehkan murid membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni, dan budaya. Murid juga boleh membuat penghayatan dan penghargaan seni warisan serta hubungkait seni visual dengan disiplin ilmu yang lain, kehidupan, dan kerjaya.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Kurikulum Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke -21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan di dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk Mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

KBAT	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none">Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none">Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none">Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none">Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit di dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyoalan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid berfikir.

TAFSIRAN UMUM

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

TAFSIRAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengenal dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya.
2	Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya.
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya.
4	Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya.
5	Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan karya yang kreatif.
6	Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan karya serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkan sejarah seni, tokoh seni dan warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR**AKTIVITI : LUKISAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan lukisan menggunakan media kering dengan menekankan bahasa seni visual.
- Mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya lukisan.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya lukisan.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan lukisan.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada lukisan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni</p> <p>1.1.1.1 Garisan - silang pangkah</p> <p>1.1.1.2 Ruang - ruang dalam</p> <p>1.1.1.3 Bentuk - ilusi</p> <p>1.1.1.4 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.1.5 Jalinan - tampak</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan</p> <p>1.1.2.1 Penegasan - hal benda (subject matter)</p> <p>1.1.2.2 Kepelbagaian - hal benda (subject matter)</p> <p>1.1.2.3 Kesatuan - komposisi objek</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:</p> <p>1.2.1.1 Alat - tiada</p> <p>1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan dan pensel warna atau <i>oil pastel</i></p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya</p> <p>1.2.2.1 Teknik - silang pangkah (<i>cross hatching</i>)</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan lukisan secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif.</p> <p>1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya lukisan.</p> <p>1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya lukisan.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya.</p> <p>1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya lukisan. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya lukisan. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya lukisan. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya lukisan. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan karya lukisan yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan karya lukisan serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR**AKTIVITI : CATAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan catan menggunakan media basah dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan catan dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya catan.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya catan.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan catan.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada catan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni</p> <p>1.1.1.1 Bentuk – ilusi</p> <p>1.1.1.2 Warna – primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.1.3 Ruang – ruang dalam</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan</p> <p>1.1.2.1 Harmoni – warna</p> <p>1.1.2.2 Ritma dan pergerakan – hal benda (subject matter)</p> <p>1.1.2.3 Imbangan – tidak simetri</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:</p> <p>1.2.1.1 Alat – berus lukisan dan palet</p> <p>1.2.1.2 Bahan – kertas lukisan dan cat air atau cat poster atau cat tempera</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya</p> <p>1.2.2.1 Teknik – basah atas kering</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan catan secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif.</p> <p>1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya catan.</p> <p>1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya catan.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya.</p> <p>1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya catan. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya catan. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya catan. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya catan. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan karya catan yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan karya catan serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR**AKTIVITI : GOSOKAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan gambar menggunakan teknik gosokan dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan gambar teknik gosokan dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya gambar teknik gosokan.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya gambar teknik gosokan.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan gambar teknik gosokan.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada gambar teknik gosokan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni 1.1.1.1 Bentuk - ilusi 1.1.1.2 Jalinan - tampak dan sentuh 1.1.1.3 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan 1.1.2.1 Kepelbagaian - jalinan 1.1.2.2 Kesatuan - komposisi objek</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik gosokan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti: 1.2.1.1 Alat - permukaan yang mempunyai jalinan 1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan atau kertas A4, pensel warna dan pensel</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.2.2.1 Teknik - gosokan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik gosokan secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif. 1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya gambar teknik gosokan 1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya gambar teknik gosokan</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual. 1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan. 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya. 1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik gosokan. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik gosokan. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik gosokan.. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik gosokan. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan gambar teknik gosokan yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan gambar teknik gosokan serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR**AKTIVITI : CAPAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan gambar menggunakan teknik capan dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan gambar teknik capan dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya gambar teknik capan.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya gambar teknik capan.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan gambar teknik capan.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada gambar teknik capan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni</p> <p>1.1.1.1 Jalinan - tampak</p> <p>1.1.1.2 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.1.3 Rupa - organik</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan</p> <p>1.1.2.1 Kepelbagaian - jalinan</p> <p>1.1.2.2 Kesatuan - komposisi objek</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik capan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:</p> <p>1.2.1.1 Alat - berus lukisan , palet, daun, jari dan alatan lain yang sesuai</p> <p>1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan dan cat air cat poster atau cat tempera</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya</p> <p>1.2.2.1 Teknik - capan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik capan secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif.</p> <p>1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya gambar teknik capan.</p> <p>1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya gambar teknik capan.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya.</p> <p>1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik capan. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik capan. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik capan. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik capan. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan gambar teknik capan yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan gambar teknik capan serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR**AKTIVITI : MOZEK****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan gambar menggunakan teknik mozek dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan gambar teknik mozek dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya gambar teknik mozek.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya gambar teknik mozek.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan gambar teknik mozek.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada gambar teknik mozek.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni</p> <p>1.1.1.1 Rupa - geometri atau organik</p> <p>1.1.1.2 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.1.3 Jalinan - tampak dan sentuh</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan</p> <p>1.1.2.1 Kontra - warna</p> <p>1.1.2.2 Kepelbagaian - bahan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik mozek.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:</p> <p>1.2.1.1 Alat - gunting atau pembaris</p> <p>1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, kertas warna, gam dan bahan lain yang sesuai</p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya</p> <p>1.2.2.1 Teknik - mozek</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik mozek secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif.</p> <p>1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya gambar teknik mozek</p> <p>1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya gambar teknik mozek.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya.</p> <p>1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik mozek. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada gambar teknik mozek. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik mozek. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan gambar teknik mozek. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan gambar teknik mozek yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan gambar teknik mozek serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 1 : MENGGAMBAR
AKTIVITI : POSTER
TEMA : GAYA HIDUP SIHAT

- Menghasilkan poster dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan poster dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUASAAN
<p>1.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya poster.</p> <p>1.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya poster.</p> <p>1.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan karya poster.</p> <p>1.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada poster.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni 1.1.1.1 Rupa - muka taip 1.1.1.2 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan 1.1.2.1 Imbangan - simetri atau tidak simetri 1.1.2.2 Kontra - warna 1.1.2.3 Penegasan - muka taip atau ilustrasi</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti: 1.2.1.1 Alat - berus lukisan, palet, gunting dan pembaris 1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan, kertas warna, majalah, gam dan cat poster atau <i>oil pastel</i></p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya 1.2.2.1 Teknik - montaj atau kolaj atau lukisan atau catan atau gabungan mana-mana teknik</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan poster secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif. 1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya poster. 1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya poster.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan. 1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya. 1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya poster. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada karya poster. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya poster. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya poster. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan karya poster yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan karya poster serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 2 : MEMBUAT CORAK DAN REKAAN (TERANCANG)**AKTIVITI : LUKISAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan corak terancang menggunakan teknik lukisan dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan corak terancang dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
<p>2.1 PERSEPSI ESTETIK Membuat persepsi dan menggunakan bahasa seni visual yang ada pada karya corak teknik lukisan.</p> <p>2.2 APLIKASI SENI Mengaplikasikan bahasa seni visual dan media dalam penghasilan karya corak teknik lukisan.</p> <p>2.3 EKSPRESI KREATIF Penzahiran idea melalui pelbagai sumber, kajian dan teknologi dalam penghasilan karya corak teknik lukisan.</p> <p>2.4 APRESIASI SENI Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan bahasa seni visual, sejarah seni dan budaya.</p>	<p>Murid dapat mengenal, memahami dan menyatakan bahasa seni visual yang ada pada corak teknik lukisan.</p> <p>1.1.1 Unsur Seni</p> <p>1.1.1.1 Garisan - tebal atau nipis</p> <p>1.1.1.2 Rupa - geometri atau organik</p> <p>1.1.1.3 Warna - primer atau sekunder atau tertier</p> <p>1.1.2 Prinsip Rekaan</p> <p>1.1.2.1 harmoni - warna</p> <p>1.1.2.2 Imbangan - simetri</p> <p>1.1.2.3 Ritma dan pergerakan - susunan sisik ikan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik lukisan.</p> <p>1.2.1 Mengetahui dan menyatakan jenis-jenis media seperti:</p> <p>1.2.1.1 Alat - pembaris dan alatan lain yang sesuai</p> <p>1.2.1.2 Bahan - kertas lukisan dan pensel warna atau <i>oil pastel</i></p> <p>1.2.2 Mengetahui penggunaan media serta proses dan teknik dalam penghasilan karya</p> <p>1.2.2.1 Teknik - lukisan</p> <p>Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik lukisan secara kreatif.</p> <p>1.3.1 Memilih dan memanipulasi bahan secara kreatif.</p> <p>1.3.2 Menggunakan bahasa seni visual dalam penghasilan karya corak teknik lukisan.</p> <p>1.3.3 Mengaplikasikan proses dan teknik yang sesuai dalam penghasilan karya corak teknik lukisan.</p> <p>Murid dapat membuat apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek bahasa seni visual.</p> <p>1.4.1 Mempamerkan karya yang dihasilkan.</p> <p>1.4.2 Menceritakan pengalaman sendiri dalam proses penghasilan karya.</p> <p>1.4.3 Menghargai dan menceritakan karya sendiri dan rakan secara lisan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengetahui dan mengetahui bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada corak teknik lukisan. 2. Menyatakan dan memahami bahasa seni visual, media serta proses dan teknik pada corak teknik lukisan. 3. Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik lukisan. 4. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, media serta proses dan teknik dalam penghasilan corak teknik lukisan. 5. Menzahirkan idea, pengetahuan, kefahaman dan kemahiran bahasa seni visual, proses dan teknik serta menggunakan media yang betul dalam penghasilan corak teknik lukisan yang kreatif. 6. Menzahirkan idea kreatif berpandukan kemahiran bahasa seni visual, media, proses dan teknik yang betul dalam penghasilan corak teknik lukisan serta berhujah terhadap hasil karya sendiri dan rakan secara lisan dengan menghubungkaitkan sejarah seni atau tokoh seni atau warisan seni negara.

MODUL 2 : MEMBUAT CORAK DAN REKAAN (TERANCANG)**AKTIVITI : CETAKAN****TEMA : ALAM SEMULA JADI ATAU OBJEK BUATAN MANUSIA**

- Menghasilkan corak terancang menggunakan teknik cetakan dengan menekankan bahasa seni visual.
- Menghasilkan corak terancang dengan mengaplikasikan media serta proses dan teknik secara kreatif.
- Membuat apresiasi terhadap karya.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	TAHAP PENGUSAHAAN
